



SIARAN MEDIA

MAJLIS PERTUKARAN DOKUMEN PERJANJIAN KERJASAMA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN UJIAN RINTIS PERLOMBONGAN NADIR BUMI DI ANTARA GREENSNOW TECHNOLOGY SDN BHD DAN AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

26 JANUARI 2021 – Majlis penyerahan balas dokumen Perjanjian Kerjasama (MoA) di antara Greensnow Technology Sdn. Bhd. (GTSB) dan Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Agensi Nuklear Malaysia dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan ujian rintis perlombongan Nadir Bumi Tidak Beradioaktif (NR REE) di Malaysia buat pertama kalinya diadakan secara maya atas talian berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang telah dikuatkuasakan bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Agensi Nuklear Malaysia menerusi Bahagian Teknologi dan Pengurusan Sisa dan Alam Sekitar (BAS) telah diberi kepercayaan oleh Syarikat GTSB untuk menjalankan projek kerjasama penyelidikan serta fasiliti-fasiliti makmal termasuk peralatan-peralatan saintifik yang terdapat di Nuklear Malaysia terhadap bidang penerokaan perlombongan mineral yang baharu iaitu Nadir Bumi agar dapat bergerak lebih maju setanding dengan negara-negara maju.

Kos projek R&D yang dibiayai sepenuhnya oleh GTSB adalah berjumlah Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Puluh Ribu Lima Ratus (RM450,500.00). Dalam tempoh masa selama dua belas bulan ini diantara kajian yang akan dilakukan oleh Agensi Nuklear Malaysia adalah kesan perlombongan dengan menggunakan teknik "*insitu leaching*" untuk meleraikan unsur-unsur nadir bumi yang berharga seperti neodmium, praseodymium, cerium dan lain-lain yang terdapat dalam tanah liat dan batuan. Teknik ini semakin diminati kerana ianya tidak memberi gangguan yang ketara kepada ekosistem dan alam sekitar sekiranya kawalan dan pemantauan dilakukan dengan rapi. Kesan yang hadir adalah



berkemungkinan daripada pencemaran air tanah akibat ketirisan bahan kimia yang digunakan sebagai pelarut atau pemangkin untuk memisahkan unsur-unsur yang dikehendaki daripada tanah dan batuan dengan menggunakan kajian “*Ammonium Sulphate*”. Sehubungan itu, projek ini dilaksanakan untuk mengkaji kemungkinan berlakunya pencemaran air tanah sekiranya perlombongan dijalankan pada masa akan datang.

Menurut Ketua Pengarah Eksekutif GTSB, Dato’ Nik Abdul Mubin bin Nik Mahmood, “Menerusi output projek yang dilaksanakan ini, ia juga dapat menghasilkan informasi berkaitan dengan keadaan keselamatan tanah dan air tanah sebelum kerja perlombongan di mulakan sekaligus mendapat gambaran berkaitan dengan sifat-sifat fizikal dan kimia air tanah sebelum perlombongan dilaksanakan serta kajian impak air tanah semasa kerja-kerja perlombongan dilakukan. Ini secara tidak langsung, pangkalan data yang bersesuaian dapat dibangunkan untuk kerja-kerja pemantauan kualiti tanah dan air tanah dalam kawasan perlombongan”

Dr Siti A’iasah Hashim, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia berkata, “Saya berharap agar kerjasama penyelidikan dengan industri seperti ini menjadi pemacu agar R&D daripada agensi penyelidikan dapat ditingkatkan lagi dari segi pelaksanaan serta pengujian bagi membolehkan ia mencapai *Technology Readiness Level* (TRL) 7 ke atas dan sekaligus menjadikan ianya lebih mudah untuk dikomersilkan.

#####

TAMAT

Dikeluarkan oleh :
Unit Komunikasi Korporat
Agensi Nuklear Malaysia
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
26 Januari 2021